



PROF SHARIFF (depan) membawa watikah sambil diiringi Prof Kamaruzaman (tengah, belakang), Pegawai Utama UMS, pensyarah dan graduan dalam Majlis Perarakan Graduan Berjubah UMS-KAL di Labuan, baru-baru ini.

# Perarakan Graduan Berjubah UMS-KAL unik

BH 09.02.2012

Oleh Azri Onn Othman  
bhvarsiti@bharian.com.my

**L**ABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) mengadakan Majlis Perarakan Graduan Berjubah, baru-baru ini bagi meneruskan tradisi menyampaikan 'mohon keizinan' dan memperakunkan graduan UMS-KAL sebagai warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Perarakan berkenaan ialah upacara simbolik penyerahan graduan universiti kepada komuniti setempat dengan menyerahkan kunci Perbadanan Labuan kepada setiap wakil pelajar sebagai tanda keizinan graduan UMSKAL menjadi warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon, berkata majlis bertema 'Masyarakat Berilmu dan Berinovasi Menjayakan Transformasi' itu diharap mendorong graduan memanfaatkan ilmu diperoleh untuk menyumbang kembali kepada masyarakat.

"Mahasiswa menjadi ejen kepada perubahan masyarakat termasuk revolusi mental dalam usaha menjayakan transformasi negara. Jadilah ahli komuniti, walau di mana saja anda berada dengan bukan saja cemerlang dari segi intelek, malah turut cemerlang dalam aspek sahsiah dan rohani," katanya ketika berucap dalam Majlis Perarakan Graduan Berjubah UMS-KAL di Kompleks Ujana Kewangan Labuan, di sini, baru-baru ini.

Antara yang hadir sama dalam majlis itu ialah

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Zainul Abidin Abdullah; Pengurus Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Senator Datuk Yunus Kurus; Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said dan Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Prof Kamaruzaman turut mengingatkan mahasiswa supaya menjadikan ilmu dipelajari di universiti sebagai warisan untuk dikongsi dengan masyarakat selepas tamat pengajian selain dipraktikkan untuk generasi masa depan.

"Selamat mengharungi alam kerjaya, teguh pada prinsip diri dan jadilah ahli masyarakat kaya dengan ilmu pengetahuan dan budi bahasa, bersahsiah diri yang positif dan semoga mendapat keredaan daripada Ilahi," katanya.